

06/06/1998

Asia mesti perjuang dagangan adil

ASIA adalah benua yang luas dan separuh daripada penduduk dunia tinggal di situ. Disebabkan Asia bukan kawasan yang mempunyai satu entiti yang sama, tetapi diwakili beberapa benua, ia hanya kekal sebagai satu kawasan geografi. Barat tidak pernah melihat Asia sebagai entiti politik atau ekonomi yang sama penting dengan lain. Sebaliknya mereka mahu menjadikan Asia medan pertentangan dan dalam banyak isu, mahu benua itu berpecah dan terus terasing.

Kita mengakui tamadun unggul bermula di Asia. Hampir 1,000 tahun lalu, kawasan Timur Tengah dan Asia Barat, tamadunnya berjaya menguasai dunia. Bagaimanapun, ia merosot berikutan kemunculan pengaruh Eropah. Lantaran itu, sejak beberapa ratus tahun lalu, Eropah diikuti masyarakat Atlantik Utara, berterusan menjadi pusat dunia. Asia yang mendahului tamadun, akhirnya menderita akibat tindakan yang dilakukan mereka. Apa yang terjadi di Asia bukanlah punca terhadap apa yang berlaku, tetapi kesan daripada akibat.

Ketika ekonomi Asia bangkit, negara membangun masih dilihat sebagai negara tidak berguna, sekadar mengharapkan bantuan serta kebajikan Barat untuk muncul berjaya. Walaupun kita menyuarakan Asia perlu diberi hak dan tempat sewajar, bukan lagi ketinggalan zaman, tanggapan mereka sukar diubah. Menggunakan pelbagai pertubuhan dunia sebagai instrumen, untuk maju Asia dimestikan mencontohi pelbagai model Barat sebagai asas untuk didisiplinkan. Malangnya, kemajuan yang dikecapi tidak diberi begitu saja. Asia terikat dengan pelbagai syarat dan terma sistem yang mereka agungkan itu khususnya kapitalisme.

Sehubungan itu, Asia terjebak dan terjerat dengan pelbagai kaedah yang ditetapkan walaupun pada zahirnya, kita mula maju beberapa langkah. Integrasi ekonomi kita iaitu pasaran terbuka serantau (market-driven open regionalism) dijadikan syarat utama. Di samping pelbagai sekatan dan halangan sukar itu, dengan bangganya Barat memuji bahawa pencapaian kita adalah hasil pasaran terbuka. Namun, ada udang di sebalik batu, mereka mahu agar banyak lagi dapat dituai.

Kita percaya pada tahun dan dekad mendatang, kesepaduan ekonomi yang lebih menyeluruh mampu meneruskan pasaran terbuka yang sedia wujud. Asia memang tidak dapat menolak kehadiran kuasa ekonomi dunia turut serta dalam proses meningkatkan lagi pasaran terbuka rantau ini. Namun apa yang dibimbangi Asia, ialah kesempatan sepenuhnya diambil hasil daripada sikap keterbukaan kita itu. Ini kerana Barat masih optimis mengenai masa depan rantau ini. Mereka tidak mahu terlepas banyak peluang berdasarkan apa yang dimiliki sekarang, untuk memerah hasil rantau keajaiban ekonomi abad ke-21. Mereka yakin cita-cita ini akan berjaya jika pelbagai lagi langkah teliti dan mungkin juga sulit diwujudkan.

Kegawatan yang berlaku sekarang mula terbukti bahawa persiapan meruntuhkan Asia dan mengambil kesempatan atas kehancuran itu semakin berjaya. Dengan pelbagai deregulasi dan globalisasi, satu demi satu negara di rantau sebelah sini mengalami kesan keperitannya. Lantas, di celah-celah kesempatan itu, mereka menghulur tangan muslihat membantu. Muslihat inilah elemen apa yang dianggap kapitalis baru oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Menerusi pelbagai tekanan dan manipulasi, sama ada mata wang dan perdagangan, satu demi satu negara Asia terpaksa melutut menyerah kepada mereka.

Asia kini tidak mungkin dapat menjadi pusat dunia. Namun, sekurang-

kurangnya ia mesti menjadi pusat dunia kita sendiri. Kita merasakan hanya gandingan lebih kukuh dapat menangkis krisis pertumbuhan berlarutan. Jika tidak, akibatnya akan lebih buruk dan menyeluruh. Kemajuan politik, ekonomi dan sosial yang dibentuk sejak beberapa dekad lalu boleh terhapus. Sudah sampai masanya bagi kita lebih bimbang mengenai masa depan sistem perdagangan terbuka pelbagai hala. Kita perlu menentang konsep `globalisation' yang hanya memperalatkan orang lain untuk mencapai sesuatu dan konsep `regionalism' tertutup yang tidak membantu membebaskan perdagangan dunia.

Kita mesti menjadi pembela dagangan bebas dan adil. Asia hari ini adalah berbeza dengan Asia yang dahulu. Kita mesti menyesuaikan malah mempertahankan kepentingan kita di tempat yang sewajarnya selaras perubahan dunia yang berlaku. Kita mempunyai dugaan besar yang perlu diseberangi dan masa depan yang cemerlang untuk diukir. Cuma dalam pengembaraan ini, Asia tidak boleh bersendirian.

(END)